

**Wong Tidak Mahu Desak ROS Percepat Buat Keputusan  
Bernama  
31 Julai, 2013**

KUCHING, 31 Julai (Bernama) -- Bekas timbalan setiausaha agung Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Datuk Seri Wong Soon Koh tidak mahu mendesak Pendaftar Pertubuhan (ROS) membuat keputusan segera berhubung pergolakan melanda parti itu sejak pemilihan jawatan pada 2011.

Wong berkata walaupun secara peribadi beliau berharap keputusan perlu segera dibuat bagi menamatkan kontroversi yang menyelubungi parti itu, tetapi adalah lebih baik ROS tidak diganggu dalam membuat keputusannya.

"Kami tidaklah mengharap sangat ia disegerakan. Perkara ini pasti ada kesudahannya dan kami akan menunggu keputusan itu," katanya kepada pemberita selepas menyerahkan geran projek kecil berjumlah RM300,000 kepada 32 pertubuhan di Kuching.

Wong, yang juga Menteri Kewangan Kedua dan Menteri Kerajaan Tempatan dan Pembangunan Masyarakat Sarawak, tidak sehaluan dengan presiden SUPP Tan Sri Peter Chin Fah Kui sejak sebelum berlangsungnya pemilihan parti itu pada 2011.

Sebelum pemilihan diadakan pada Disember tahun berkenaan, Wong disebut-sebut akan menang tanpa bertanding bagi jawatan presiden pada persidangan perwakilan tiga tahun sekali (TDC) parti itu untuk menggantikan Tan Sri Dr George Chan, sehinggalah Chin mengemukakan kertas pencalonannya pada saat-saat akhir.

Keadaan bertambah rumit lagi apabila Wong dan beberapa wakil rakyat lain daripada parti itu membuat keputusan memulau pemilihan berkenaan kerana mendakwa berlaku penyelewengan pemilihan jawatan dalam 14 cawangan parti itu.

Setelah Chin memenangi jawatan presiden tanpa pertandingan, beberapa anggota SUPP mengemukakan aduan kepada ROS tentang penyelewengan yang didakwa berlaku dan menyebabkan ROS mengeluarkan surat tunjuk sebab kepada parti itu pada 6 Jun tahun ini.

Wong juga tidak mempunyai hubungan baik dengan jawatankuasa kerja pusat parti itu setelah beliau melanggar ketetapan mereka bahawa semua anggota parti itu tidak boleh menerima sebarang jawatan kerajaan berikutan prestasi buruk SUPP pada pilihan raya negeri 2011.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=967470>